



BULETIN

بوليتيين

IPTG
INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

Bil.1/1442H/2020

- 05 | MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - Bahagian III
- 12 | COVID-19 : UJIAN DAN HIKMAH DISEBALIKNYA
- 16 | KELEBIHAN 10 ZULHIJJAH

IBRAH MELALUI KISAH

ANBIYA' & SOLEHIN



Buku ini ditulis oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob. Buku ini adalah terbitan oleh UKMB Resources bagi tahun 2020. Ia mempunyai 144 halaman bercetak dan bersaiz B5. Buku ini telah dilancarkan sendiri oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar di Majlis Amanat Khas Menteri Besar 2020 yang telah diadakan pada 2 Januari 2020. *Sambungan m/s 10.....*

Terima Kasih **BARISAN HADAPAN**
atas khidmat dan sumbangan anda dalam menghadapi COVID-19

DOA HINDARI WABAK

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk."



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

يَسْأَلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ يُنَبِّئُ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوْا قَوْمًا بِجَهَنَّمَةٍ فَنُصْبِحُوْا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ

Firman Allah yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. [Al-Hujurat: 6]

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Buletin IPTG bilangan pertama bagi tahun 2020 dapat diterbitkan.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga IPTG khususnya sidang redaksi Buletin IPTG yang bertungkus-lumus sehingga berjaya menerbitkan buletin bagi edisi pada kali ini. Saya berharap dengan penerbitan buletin ini akan menjadi satu medium bagi IPTG memaparkan pelbagai program dan aktiviti sepanjang masa bagi tahun 2020 mengikut skala masa yang ditelah dirancang dengan sebaiknya.

Disini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Awal Muharram 1442H kepada semua warga IPTG khususnya dan seluruh rakyat Kelantan. Didoakan semoga Allah menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang yang beriman dan berjaya. Terima Kasih sekagi lagi kepada semua warga IPTG yang telah berjaya memberikan perkhidmatan yang berterusan kepada seluruh rakyat Kelantan khususnya.

Sekian, Wassalam.

**Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat, Negeri Berkat
'Merakyat Membangun Bersama Islam -
Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan'**



**YAB Ustaz Dato Bentara Kanan
Haji Ahmad bin Yakob**
Menteri Besar Negeri Kelantan



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَعَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu, bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui. (an-Nahl:43)

Assalamualaikum wbt. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT dan Salam Selawat untuk junjungan Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan sahabat-sahabat Baginda kerana kita masih lagi dapat bersama Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) bagi meneruskan kesinambungan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membantu pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kepimpinan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga IPTG, ADUN-ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penyumbang-penyumbang, dan semua pihak yang membantu IPTG secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 ini.


Ucapan syabas dan setinggi penghargaan kepada seluruh pasukan redaksi Penerbitan Buletin IPTG yang telah berjaya menerbitkan Buletin bilangan pertama bagi tahun 2020. Edisi Buletin pada kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan program IPTG bagi bulan Januari sehingga Jun 2020. Walaupun program kita tidak dapat berjalan sebagaimana dirancang kerana penularan wabak Covid-19, tetapi kita telah berjaya menganjurkan beberapa program lain secara atas talian seperti Kuliah Ramadhan secara atas talian yang dibuat di Mini Studio IPTG. Ekoran daripada penularan wabak Covid- 19 tersebut, IPTG sedang mengorak langkah dengan meneruskan lagi program Kuliah Harian secara atas talian yang dijadualkan bermula pertengahan bulan Julai 2020 dan akan meneruskan program latihan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga pihak Dun Negeri Kelantan.

Saya juga amat berharap dengan penerbitan buletin kali ini akan memberi ilmu yang bermanfaat kepada semua pihak dan dapat menyerlahkan lagi peranan IPTG dalam membantu kerajaan bagi mentadbir Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu IPTG bagi memastikan visi dan misi IPTG berjaya direalisasikan. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Awal Muharram 1442H kepada seluruh umat islam khususnya warga IPTG. Didoakan semoga Allah memberi kita kesihatan, dimurahkan rezeki dan ditingkatkan iman kita. Insyaallah.

Sekian, Wassalam.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat P.S.K, D.P.S.K (Kelantan)
Pengarah**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia



KANDUNGAN

Tinta Pengarah	02
Dari Meja Pengarah	03
Sidang Redaksi	04
Rencana : MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - Bahagian III	05
Doa Harian PAGI & PETANG	07
Berita & Aktiviti IPTG	08
Fokus : IBRAH MELALUI KISAH ANBIYA' & SOLEHIN	10
Isu Semasa : COVID-19 UJIAN DAN HIKMAH DISEBALIKNYA	12
Tazkirah : KELEBIHAN 10 ZULHIJJAH	16
Berita & Aktiviti IPTG	18
Ramadhan IPTG	20
Kunjungan Hormat	22



Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusoff

Jurufoto

Ahmad Hakim Baihaqi Bin Suhaimi

Reka Bentuk Grafik & Percetakan

AZKIA PRINTING
PT361, Aras Bawah,
Lembah Sireh (Belakang Tesco),
15050 Kota Bharu, Kelantan

Alamat Surat Menyurat:

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO'
BENTARA SETIA
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan
Negeri Kelantan, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.



MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

BAHAGIAN III

Kelantan Sebelum Merdeka

Oleh : Shafinaz Nazaruddin

Sebelum merdeka, Kelantan telah dijajah oleh British secara rasminya bermula tahun 1909 sehingga Disember 1941 (32 tahun). Selepas itu, negeri Kelantan dijajah pula oleh Jepun pada Disember 1941 sehingga Ogos 1945 (4 tahun) diikuti Bintang 3 selama 14 hari. Setelah itu, British merampas kembali Kelantan pada 1945 sehingga 1957 iaitu selama 12 tahun.

Manakala selepas merdeka, Kelantan telah memperkenalkan pentadbiran Islam sejak tahun 1959 sebaik sahaja mendapat kemenangan dalam pilihanraya yang pertama dan telah memperkenalkan pentadbiran Islam berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, ijma', ulamak dan qias.

Antara pembangunan dan amar ma'ruf yang dilaksanakan oleh negeri Kelantan adalah seperti dibawah:

- Memberi bantuan kewangan kepada pusat-pusat pengajian pondok dan sekolah-sekolah agama rakyat (SAR)

- Menubuhkan jabatan pengajian dan dakwah Islam di bawah MAIK
- Pelantikan guru-guru agama di sekolah-sekolah kerajaan
- Menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (1960)
- Memberikan bantuan bagi membangun serta membaiki masjid dan surau
- Menubuhkan Jemaah Biasiswa Pelajaran Kerajaan Negeri (1961)
- Pembinaan jambatan Sultan Yahya Petra (1963-1965)
- Menubuhkan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri (YPTIK) (1965)
- Pindaan undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan (1966)
- Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) (1966)
- Pembinaan Stadium Sultan Muhammad IV (1967)
- Menubuhkan jabatan sekolah-sekolah agama (1974)

Kerajaan Kelantan juga berjaya membanteras amalan nahi mungkar seperti:

- Mengawal segala bentuk hiburan
- Mengharamkan tradisi puja pantai
- Membanteras perjudian, berlaga lembu dan bersabong ayam
- Penghapusan Biaritz Park (Show Wakaf Siku) pada 1964



Rani Cinema, Jalan Tok Hakim - Kota Bharu, Kelantan 1950



Persediaan Laga Lembu - Kota Bharu, kelantan, 1902

Pentadbiran Negeri Kelantan (1990-2013)

Selepas negeri Kelantan ditadbir oleh Al-Marhum YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat pada tahun 1990, beliau telah memperkenalkan pentadbiran di bawah dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Dasar MBI telah digagaskan oleh Almarhum pada tahun 1990 setelah beliau dilantik mentadbir Kerajaan Negeri Kelantan. Dasar ini ditulis secara rasminya pada tahun 2005 dan diangkat kepada kerajaan negeri pada tahun 2006. Dasar ini menjadi rujukan dalam kerangka perancangan program dan projek pembangunan negeri.

Antara sebab dasar MBI ini diwujudkan adalah untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai Islam dan penduduknya mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Maksud MBI bagi Kerajaan Negeri Kelantan ialah pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan hukum-hukum dan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan oleh syariah demi mencapai keredhaan Allah SWT. Dasar MBI ditunjangi oleh 'Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI). Kerajaan Negeri Kelantan meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama pemerintahan dan pentadbiran negeri. Segala perancangan dan program yang dibangunkan adalah berpaksikan kepada dasar MBI dan UMI.

DOA HARIAN PAGI & PETANG

Oleh : Dato' Dr. Johari Bin Mat

عن ابن عمر رضي الله عنهم، قال: لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُ هَؤُلَاءِ الْكَلْمَاتِ إِذَا أَصْبَحَ وَإِذَا أَمْسَى: ((اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايِ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عُورَاتِي وَآمِنْ رُوعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيِّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شَمَائِلِي وَمِنْ فُوقِي وَأَعُودُ بِعَظَمَتِكَ مِنْ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي))

Maksudnya:

Ya Allah, aku memohon kepadaMu kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku memohon kepadaMu keampunan dan kesejahteraan pada agamaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah, tutupkanlah keaibanku dan amankanlah diriku dari rasa takut. Ya Allah, peliharalah diriku dari hadapan, belakang, kanan, kiri, atas dan aku berlindung dengan keagunganMu daripada diceroboh dari sebelah bawahku. (Riwayat Abu Dawud)

Ada beberapa perkara yang terdapat dalam doa diatas;

1. Memohon kemaafan daripada Allah SWT. Setiap hari manusia melakukan kesilapan, bermula dari awal pagi hingga ke malam pasti ada dosa terpalit sama ada dilakukan secara sedar atau tidak. Dosa atau kesalahan ini berlaku dalam kehidupan sehari-hari kita disebabkan kerana tidak melakukan apa yang diperintah oleh Allah SWT atau melanggar apa yang dilarangNya. Mintalah pengampunan daripadanya serta memperbanyak istighfar dan melakukan amalan soleh. Semoga Allah menutup aib dan dosa kita serta memaafkannya.
2. Meminta perlindungan dan keselamatan. Mohonlah kepada Allah SWT keamanan dan dihindar daripada semua keburukan, bahaya dan malapetaka yang kita tahu dan tidak tahu. Sentiasalah berdoa agar dilindungi daripada kejadian yang membawa kerosakan kepada agama, dunia, keluarga dan harta benda.
3. Menjaga aib. Memohon supaya Allah SWT menutup segala kelemahan, keibaian dan kecuaian serta semua perkara buruk daripada pengetahuan orang lain bagi menjaga kehormatan diri.

4. Memohon perlindungan daripada segala ketakutan. Semoga Allah SWT melindungi kita daripada segala perkara yang ditakuti. Perkara yang menakutkan itu banyak. Antaranya ialah takut berlaku musibah, wabak yang berbahaya seperti yang sedang berlaku sekarang, dukacita, kebimbangan berlaku kepada diri sendiri, keluarga, harta, masyarakat, negeri dan negara. Mohonlah pertolongan hanyalah kepada Allah dengan sabar dan solat.
5. Mohon Allah supaya menjaga kita sebaik-baiknya daripada enam sisi; depan, belakang, kiri, kanan, atas dan bawah. Rasulullah SAW telah mengajar kita supaya berdoa dan memohon perlindungan daripada Sang Pencipta. Dialah tempat kita bergantung dan memohon pertolongan dalam semua perkara dan hanya kepadaNya jualah kita menyerah diri serta bertawakkallah kepadaNya. Inilah didikan agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada umat Baginda. Semoga dengan segala nikmat dan kurnia yang telah diberikanNya kepada kita, menjadikan kita hamba yang lebih bersyukur dan sentiasa mengabdikan diri kita kepadaNya. Ameen ya Rabbal 'Alamin. ■



KURSUS PEMERKASAAN DAKWAH

HALAQAT NEGERI KELANTAN



Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat (Kursus Pengajaran Berkesan Kumpulan V) telah diadakan pada 23 Jamadil Awal 1441H bersamaan 19 Januari 2020M di Dewan Abu Bakar, Balai Islam, Kelantan. Seramai 38 orang yang hadir menyertai kursus ini. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta pengalaman kepada Pengelola, Pegawai dan Pembantu Pegawai Halaqat seluruh negeri Kelantan dalam menyediakan bahan pengajaran yang berkualiti dan juga penyampaian yang lebih berkesan. Kursus ini telah berlangsung selama setengah hari bermula 8.30 pagi hingga 1.00 tengahari. ■

KURSUS INDUKSI PENGHULU KELANTAN TAHUN 2020




IPTG telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan slot Kursus Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) -'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI) kepada seramai 40 orang penghulu baru di Kursus Induksi Penghulu Kelantan Tahun 2020 pada 29 Jamadil Akhir 1441H bersamaan 23 Februari 2020. Kursus ini telah diadakan di Jeram Mengaji Agro Resort, Pasir Puteh. Kursus Dasar MBI-UMI ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada setiap penghulu baru berkenaan dasar yang diperkenalkan oleh al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat seterusnya diperkasakan lagi oleh YAB Dato' Bentara Kanan Dato' Hj. Ahmad Bin Yakob dengan agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI). ■



IBRAH MELALUI KISAH ANBIYA' & SOLEHIN

...Dari Muka Depan

Penulis telah memaparkan himpunan kisah yang diambil melalui kisah-kisah terpilih melalui setiap juzuk al-Quran bermula daripada juzuk pertama sehingga juz tiga puluh. Buku kecil ini sedikit sebanyak mengaitkan betapa ayat-ayat suci al-Quran mempunyai mukjizatnya tersendiri yang kekal sehingga hari ini. Antara tajuk kisah-kisah yang terdapat dalam 30 juzuk al-Quran adalah seperti yang terdapat dalam Juz 1 bertajuk Nabi Adam a.s (Bumi Allah untuk dimakmurkan), Juz 2 (Nabi Daud a.s (Kepakaran Prasyarat Kepimpinan), Juz 3 (Maryam a.s (Yakin dengan Kuasa Fun Fayakun) manakala Juz 4 (Abu Bakar As-Siddiq r.a (Bertegas Terhadap Pencaci Allah SWT) dan juzuk lain-lain ada kisahnya tersendiri. Penulis telah berjaya menggunakan teknik penceritaan yang sangat mudah difahami dan ini akan menarik minat para pembaca diluar sana untuk menghabis bacaannya tanpa jemu.



Melalui Juz 1, Allah SWT telah menyebut perihal penciptaan Nabi Adam a.s serta tugas Baginda sebagai khalifah dimuka bumi. Apabila Allah SWT mengarahkan para Malaikat supaya sujud kepada Nabi Adam a.s adalah makhluk Allah SWT yang mengetahui sesuatu yang tidak mereka ketahui. Ini adalah suatu kurniaan yang Allah SWT anugerahkan kepada Nabi Adam a.s sebagai khalifah di muka bumi yang akan menguasai serta memimpin manusia dengan ilmu dan pengetahuan. Oleh kerana itu, Allah SWT telah mengajar Nabi Adam a.s dengan pelbagai nama-nama benda yang ada di alam semesta dan kemudian Allah meminta para Malaikat-Nya menyebut nama-nama tersebut tetapi ternyata mereka tidak dapat menyebutnya. Tujuannya adalah untuk menghilangkan tanggapan rendah para Malaikat terhadap Adam a.s dan menyakinkan mereka akan kebenaran hikmat-Nya yang akan menjadikan Adam a.s sebagai penguasa di muka bumi.



Firman Allah SWT dalam hal ini:

Maksudnya: Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam a.s, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada Malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar Malaikat itu menjawab: Maha suci Engkau (Ya Allah) kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Allah berfirman: Wahai Adam, terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka. Maka setelah Nabi Adam a.s menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?". (al-Baqarah: 31-33)

Allah SWT mengetahui akan kekurangan manusia dan sebagai persiapan menjadi pemakmur di muka bumi, Allah SWT telah mengajarkan mereka ilmu pengetahuan. Dengan ilmu inilah manusia mampu mentadbir urus muka bumi dan memimpin golongan mereka dengan adil dan sejahtera. Allah SWT menjadikan muka bumi dengan segala kelengkapannya untuk didiami oleh manusia. Bumi yang dihuni ini perlu diurus tadbir dengan kaedah dan disiplinnya tersendiri berbekalkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, usaha mempelajari ilmu sangat dituntut dalam Islam dan tiada had tempoh waktu tamat belajar dalam menuntut ilmu. Ibrah daripada kisah Nabi Adam a.s ini juga menegaskan kepada umat Islam khususnya dan masyarakat dunia umumnya bahawa dunia ini akan porak-peranda sekiranya diurus oleh pentadbir yang jahil dan tidak berlandaskan ilmu yang betul.

Kesimpulannya, pembaca buku ini diharap dapat memahami dan mempelajari serta menjadikan ia sebagai satu amalan dalam kehidupan seharian kita dan bolehjadikan ia sebagai santapan rohani kerana buku ini memaparkan banyak kisah-kisah kehidupan perjuangan hamba-hamba yang istimewa disisi Allah SWT. ■

Umat Islam seluruh dunia termasuklah rakyat Malaysia khususnya berdepan dengan satu ujian yang besar berikutan penularan wabak Covid-19 sejak bulan Februari yang lalu sehingga hari ini. Wabak ini dianggap sebagai ujian yang besar kerana virus Covid-19 ini adalah satu pandemik yang menakutkan. Beratus ribu kematian telah dilaporkan akibat serangan wabak tersebut di serata dunia termasuklah negara maju yang mempunyai peralatan kesihatan yang begitu canggih berbanding negara Malaysia. Ini menunjukkan bahawa wabak ini melanda tidak kira bangsa, kulit rupa mahu pun status ekonomi. Walau apa jua bentuk ujian melanda kehidupan kita sekarang ini atau akan berlaku pada masa akan datang, Allah SWT ingin mengajar kita semua mengenai sesuatu dan setiap apa yang berlaku mempunyai hikmah daripadaNya sebagaimana Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Mulk, ayat 2 yang bermaksud:

"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan kedaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan la Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)."

Ekoran daripada penularan wabak Covid-19, kebanyakannya kerajaan di dunia sudah pun melaksanakan pelbagai usaha terutamanya bagi golongan barisan hadapan yang tidak jemu untuk memstikan rangkaian wabak ini dapat diputuskan. Malaysia tidak ketinggalan menyahut seruan duduk dirumah ataupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kuarantin mahupun perintah berkurung sepenuhnya bagi menyekat penularan wabak ini. Sepanjang tempoh PKP yang lepas, ada dikalangan umat Islam yang hilang mata pencarian kerana tidak boleh keluar untuk berniaga, dan ada juga yang bekerja makan gaji juga tidak boleh keluar untuk bekerja seperti buruh binaan dan sebagainya. PKP ini dilanjutkan sehingga akhirnya umat Islam menyambut Ramadhan dalam suasana yang amat berbeza sekli pada tahun ini kerana tiada solat tarawih di masjid sepanjang Ramadhan. Secara kesimpulan, seluruh sistem kehidupan manusia berubah secara mendadak termasuklah dari segi aspek keagamaan, sosial, ekonomi, budaya dan lain-lain. Norma kehidupan harian manusia sebelum ini berubah dan terhenti seketika diganti pula dengan amalan norma baru.

Bersama YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat

COVID-19

UJIAN DAN HIKMAH DISEBALIKNYA

Ikuti temubual eksklusif bersama Ybhg. Dato' Dr Johari Bin Mat, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Soalan 1:

Sebagaimana yang diketahui, mungkin Dato' boleh hanya sedikit berkaitan dengan penularan wabak Covid-19 bermula dari bulan Januari pada baru-baru ini tanpa disangka berlaku secara tiba-tiba dalam negara kita. Perkara ini lebih membimbangkan rakyat apabila kerajaan mengumumkan perintah kawalan pergerakan yang menyebabkan masyarakat terperangkap dari segi mental, wang ringgit dan sebagainya. Sebagai mukaddimah, apakah pandangan Dato' tentang penularan wabak Covid-19 ini?

Jawapan:

Bismillahirrahmanirrahim. Pertamanya, kita melihat bahawa Covid-19 ini adalah salah satu wabak atau penyakit yang melanda secara cepat yang tersebar pantas ke seluruh dunia. Covid-19 ini melibatkan masalah dari segi kesihatan dimana kita perlu beri perhatian kepada kesihatan. Jangan kita ambil mudah terutamanya perkara yang telah diberitahu akan berjangkit dengan begitu cepat dan mudah merebak secara meluas dalam kalangan masyarakat. Hal terjadi Covid-19 tersebut dengan cepat disebabkan masyarakat tidak ambil kisah dengan peraturan atau SOP yang telah dikeluarkan oleh pemerintah dalam kehidupan. Mungkin pada peringkat pertama orang tidak menganggap bahawa ia satu bahaya yang begitu besar pada masyarakat tetapi ternyata dia telah merebak dengan cepat dikalangan masyarakat. Perkara ini dipandangan serius dan boleh membawa kepada hilang nyawa terutamanya golongan tua walaupun pada sesetengah pihak menganggap Covid-19 ini seperti seselema ringan dan dia tidak membawa kemudarat yang serius kepada orang-orang muda kerana orang muda dilihat mempunyai

antibodi kuat dan mampu bertahan tetapi berlainan bagi orang telah lanjut usia dan mempunyai penyakit kronik kerana ketahanan fizikal dan bodinya tidak kuat yang memberi risiko lebih parah sebagaimana kita lihat lebih ramai dikalangan yang meninggal dunia adalah warga tua atau warga emas disebabkan mempunyai sejarah penyakit yang sedia ada.

Kedua, Covid-19 ini juga kita boleh saksikan dari sudut bahawa satu amaran daripada Allah SWT iaitu Allah menghantar satu virus yang sangat kecil yang hanya boleh dilihat dengan alat bantuan mikroskop. Dan perkara ini bukan suatu perkara baru terjadi dalam kehidupan manusia malah sebelum ini bermacam-macam virus yang telah berlaku. Oleh itu, Allah nak memberi pengajaran kepada kita supaya kita jangan merasa kecil akan kuasa Allah. Allah boleh letak pada makhluk yang kita tak nampak dari segi mata kasar tetapi mempunyai kesan yang sangat dasyat. Di sinilah mengambarkan bahawa manusia yang mengaku pandai bijak dan maju sekalipun tidak dapat menghadapi virus yang kecil serta tidak dapat dilihat ini sudahpun ditakuti oleh ramai walaupun sebahagian orang kata tidak perlu bimbang dan ditakuti. Adalah kita lihat satu perkara yang wujud dan boleh dilihat dengan mikroskop maka ia boleh kitajadikan sebagai pemahaman tentang amaran Allah yang tak pernah kita gambarkan. Ini boleh dilihat bahawa dasyat amaran yang Allah berikan kepada kita yang tak dapat kita lihat terutama di akhirat nanti ataupun di dunia yang kita tak jangka dan sebagainya. Justeru, manusia perlu menginsafi dengan kejadian ini untuk kembali kepada Allah dan tunduk serta akur kepada ajaran agama.

Perkara yang ketiga dari segi Covid-19 ini mengajar kita insaf dalam kehidupan kita bahawa mati ini bukan kerja manusia, hidup ini bukan kerja manusia, sihat dan sakit bukan kerja manusia. Manusia boleh berusaha untuk sihat, manusia boleh menjaga dari segi kesihatan diri dan sebagainya. Sebagai seorang manusia kita patut mencegah atau menghindari perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada kita sebagai contoh menjaga kesihatan tubuh badan, pakaian, tempat tinggal, sekitar dan sebagainya adalah satu amanah. Jadi, Covid-19 ini boleh kita ambil iktibar bahawa menjaga amanah Allah adalah tangungjawab. Kalau dulunya kita mungkin tidak tidak ambil kisah dan peduli sangat kalau nak sentuh sesuatu atau lepas menyentuh sesuatu kita tidak basuh tangan, sedangkan Islam ajar dah lama.

Selepas makan lap tangan ataupun basuh dan sebelum hendak makan perlu basuh tangan. Kalau kita perhatikan adalah suatu ajaran yang telah dianjurkan oleh Islam sekian lama. Apabila kita hendak makan kita disuruh baca bismillah. Baca bismillah itu maksudnya kita meminta pertolongan dengan Allah supaya makanan yang kita makan tadi memberi manfaat kepada kita. Ya Allah, ar-Rahman, ar-Rahim ya Allah yang sangat mengasihi dan kasih sayang kita. Ertinya apabila kita makan makanan dengan pertolongan Allah, Dia akan jadikan makanan tadi sebagai kesihatan kepada kita. Apabila kita merasakan bahawa perut mula berasa kenyang maka disuruh berhenti makan. Ini ajaran yang dianjurkan dalam Islam, sedangkan berapa ramai masyarakat yang tidak terkena Covid-19 terus makan walaupun sudah kenyang. Diingatkan sekali lagi mengapa perlu basuh tangan? Jawabnya, tangan anggota yang selalu diguna oleh tubuh badan fizikal kita. Tangan banyak berinteraksi dengan orang lain sehingga apabila kita bangun dan sedar daripada tidur pun Rasulullah suruh basuh tangan.

Rasulullah bersabda:

وإِذَا اسْتَيقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نُومِهِ فَلِيغُسلْ يَدِيهِ قَبْلَ أَنْ يَدْخُلَهُمَا فِي الْإِنَاءِ ثَلَاثَةٌ ، فَإِنْ أَحَدُكُمْ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَ يَدِهِ

Bermaksud:

"Dan apabila seseorang bangun daripada tidurnya, hendaklah ia mewasuh kedua tangannya 3 kali sebelum ia memasukkannya (tangan) ke dalam bekas yang berisi air (kolam). Kerana sesungguhnya, ia tidak tahu dimana tangannya berada (semasa tidur)." [Hadis Muttafaqun 'Alaihi, Bukhari : 162 dan Muslim : 278]

Kalau kaki tidak mengapa kerana ia berada di kaki, mata di mata, telinga di telinga tapi tangan ini tangan bergerak dan berinteraksi dengan yang lain.

Soalan 2:

Apabila manusia melihat ini sebagai satu ujian, mereka menganggap benda ini sebagai satu norma baharu dan kadang-kadang mereka menganggap ujian ini sebagai satu musibah yang Allah bagi kepada kita. Ramai juga orang yang berfikiran negatif dan payah untuk menerima ujian ini sedangkan Allah SWT sentiasa menyuruh kita untuk bersangka baik dengan apa sahaja ujian yang diberikan olehNya. Boleh Dato' kongsikan apakah hikmah disebalik ujian Covid-19?

Jawapan:

Allah SWT menguji manusia ini dengan dua cara sama ada kesenangan atau kesusahan. Manusia tidak merasakan ujian jika diuji dengan kesenangan, sedangkan dengan kesenanganlah yang orang nikmati sebelum berlakunya Covid-19. Sebelum ini kita kata senang, orang ada kerja, orang boleh bagi kerja dan macam-macam lagi tetapi orang tidak menilai kesenangan itu sebagai satu nikmat dan juga ujian. Ramai orang yang diuji, tetapi mereka terlupa bahawa itu ujian. Manusia kenal ujian itu sekiranya ia hadir dalam keadaan susah.

إِنَّ أَصَابَهُ سَرَاءٌ شَكَرٌ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنَّ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرٌ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Kerana itulah Rasulullah SAW berkata bahawa orang Islam ini semuanya baik, kalau sekiranya dia dapat kebaikan dia bersyukur maka itu adalah baiknya. Kalau sekiranya dia dapat nikmat senang dan dia bersyukur maka dia peroleh pahala. Apabila dia ditimpa kesusahan, maka dia bersabar dan diberi pahala kemudian jika dia redha dia akan memperoleh ganjaran pahala lagi.

عجباً لأمر المؤمن إن أمره كله له خير

Aku sungguh kagum dengan orang-orang mukmin kerana kedudukannya semua adalah baik. Jadi, kita kembali kepada ujian Covid-19 ini orang panggil satu ujian yang mencorakkan suasana baru. Suasana baru disini bermaksud kita perlulah menjaga disiplin supaya kita selalu menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan merupakan perkara yang biasa kita amalkan dalam kehidupan sehari-hari kita tetapi apabila datangnya Covid-19 ini, cara kehidupan manusia berubah serta merta menjadi lebih terkawal dan terjaga. Kalau kita tengok dari sudut kesihatan ia selari dengan konsep agama Islam. Sebagai contoh, mencuci tangan ialah perkara yang serlalu kita buat tetapi dengan adanya Covid-19, kekerapan mencuci tangan menjadi lebih berbanding dulu. Dari sudut positif, Covid-19 ini datang bersebab kerana ia mampu membetulkan semula kehidupan manusia secara menyeluruh. Disamping itu, alam sekitar juga menjadi lebih mesra alam serta pencemaran udara dan air makin berkurangan. Oleh itu, disebalik kesusahan ada kesenangan dan disebalik bala ada hikmah. Jadi, kita kena selalu tanam dalam jiwa kita optimis jangan pesimis marilah kita terima ujian ini sebagai satu rahmat.

Soalan 3:

Boleh Dato' bagi nasihat kepada golongan yang terjejas dari segi kewangan dalam kehidupan yang mampu memberi optimis supaya mereka bangkit selepas Covid-19 ini?

Jawapan:

Perkara ini yang begitu besar terjejas adalah melibatkan kepada golongan yang berkerja di sektor swasta manakala golongan yang berkerja dengan kerajaan masih stabil dan dianggap tidak terjejas. Golongan yang berkerja swasta sama ada dalam syarikat besar seperti kapal terbang, pengangkutan, pelancongan hampir keseluruhan mengalami terjejas dengan teruk. Ana berharap semua pihak atau seluruh lapisan masyarakat jangan putus harapan. Tetapi kita perlu bangkit berusaha. Pelbagai cara atau kaedah yang mampu dilakukan dengan kita berbincang, mendapat maklumat, pengalaman, perkongsian dengan orang yang ada pengalaman.

Pengalaman perniagaan boleh kita peroleh daripada kalangan kawan-kawan kita sebagai platform dalam berusaha mencari sumber pendapatan. Dalam perniagaan ada pelbagai corak yang mampu kita kembangkan dalam perniagaan. Kalau tidak boleh kembangkan perniagaan tersebut boleh berpindah kepada perniagaan yang lain. Jangan kata tiada sumber pencarian tidak bermakna tidak boleh mencari dari sumber yang lain. Mungkin rezeki kita hanya sampai disitu. Saya ingin berkongsi pengalaman saya bertemu dengan seorang peniaga. Ana berjumpa dia sewaktu pergi UIA pada baru-baru ini. Pengalaman beliau sebelum ini berkerja di kedai printing namun telah diberhentikan kerja. Tetapi sekarang dia menjual air kepala sebagai income untuknya.

Apa yang dapat kita ambil iktibar ialah kita perlu berusaha dan berfikir. Jangan kita hanya murung di rumah. Masalah tidak akan selesai. Seolah-olah apabila kita hilang perkerjaan itu maka kita tidak melakukan perkerjaan yang lain. Sebenarnya, kalau kita berusaha boleh jadi mampu memberi ruang yang lebih baik untuk kehidupan kita. Orang-orang dahulu tidak pandai berniaga online namun sekarang boleh berniaga online. Jadi, ini adalah suatu ruang yang baru malah apabila kita katakan orang itu ada perniagaan sebagaimana kita tengok orang lain berniaga online. Kadang-kadang dia lebih banyak masa berbanding dengan orang lain. Pembelajaran pengajian pun secara online kini sebagaimana perkara online yang lain boleh buat. Jangan rasa bahawa kita tidak dapat yang itu, yang lain pun juga tidak dapat juga.

Sebagaimana Dato' ada cakap bahawa perkara yang terjadi keatas orang Islam tiada semua benda yang berlaku baik maknanya positif.

Kita perlu bersangka baik dan berusaha. Dan dalam usaha itu kita perlu pastikan sebelum dan selam-lamanya mengikut saluran Islam. Kalau hendak buat apa-apa perkerjaan mestilah halal. Walaupun kita dipanggil seorang hilang pekerjaan namaun kita tetap perlu menerima hakikat bahawa pekerjaan itu bukan sebagai sumber pencarian kita. Jangan menangis dan bersedih. Tetapi kita perlu berusaha berfikir dan mencari pelbagai jalan dan jangan malu. Kita hendak malu apa. Kita mencari yang halal. Kalau hendak mencari yang halal tiada masalah.

Kita perlu yakin, kerja Allah kita tidak perlu fikir. Yang perlu kita fikir adalah kerja kita didalam mengurus dalam kehidupan. Apabila kerja kita lakukan betul, Allah akan memberinya rezeki. Kalau disebabkan hilang perkerjaan kita sekarang memberi kesedihan dan kebimbangan. Kita datang dan lahir ke dunia ini kita tiada apa-apa pekerjaan pun boleh hidup. Ada pun juga orang menjaga kita. yang menjaga itu mak dan ayah kita. Adapun yang lahir tiada mak dan ayah pun ada orang menjaga dan mengurusnya.

Kita jangan bimbang. Yang perlu kita bimbang kita lakukan betul ataupun salah itu patut bimbang. Jangan kita berfikir bahawa kita tiada apa-apa sumber untuk hidup. Allah menjamin setiap insan yang dilahir ke dunia ini ada malaikat yang tulis rezeki, ajal, baik buruk dia dan sebagainya. Perkara itu perlu kita yakini. Jadi itulah dipanggil iman. Apabila kita yakin akan iman itu kitab oleh dilihat kesannya sebagai contoh si budak A ini kematian ibu dan bapanya tetapi aka nada pihak yang menjaga dan mengurusnya. Paling-paling tidak akan dijaga di rumah kebajikan. Kita dapat lihat ada yang sanggup mengambil anak angkat. Kadang-kadang yang mengambilnya daripada latar belakang keluarga kaya. Hal ini tiada masalah kerana Allah akan menjaganya. Kita jangan memikir sangat. Kalau orang bertanya awak tinggal apa kepada anak-anak? Jangan dibimbang. Berbekal menjadi orang beriman adalah paling utama, perkara yang kemudian itu biar anak-anak tentukan kerana ada cara mereka tersendiri. Apabila ada iman maka tiada masalah yang timbul. Kalau ibu bapa ingin tinggalkan pada anak-anak mereka harta, harta akan habis. Kalau tinggalkan ilmu, ilmu tanpa iman jua membawa kepada kerosakan. Iman, ilmu, harta, amal adalah paling baik. Oleh itu, orang kata jadi jahat kerana miskin bagi pandangan ana bukan faktor utama yang boleh dirumuskan orang jahat disebabkan miskin. Jadi jahat itu disebabkan tidak beriman. Berapa ramai orang miskin tidak mencuri tidak terjerumus kepada lembah melakukan kejahatan. Akan tetapi, orang yang kaya pun turut banyak melakukan perangai buruk sebagaimana kita lihat di sekitar kita. zaman dahulu, zaman Rasulullah SAW dahulu kenapa orang yang mencuri?

Adakah kerana profesion? Bukan mmencuri kerana profesion akan tetapi seseorang mencuri disebabkan terdesak. Perkara itu tidak menjadi masalah dan tidak berdosa besar kalau dia terdesak. Yang menjadi miskin bukan sebab utama akan tetapi kerana tidak ada iman.

Soalan 4:

Baiklah Dato', soalan seterusnya ialah kita tidak tahu bilakah wabak Covid-19 ini akan berakhir dan bagaimanakah cara untuk mencegah daripada terkena wabak ini?

Jawapan:

Antara cara dan langkah yang paling penting ialah kita kena jaga kesihatan masing-masing dan ikut peraturan. Perkara ini sangatlah penting dalam hidup kita. Menjaga kesihatan, ikut peraturan, berserah dan tawakkal kepada Allah. Dan apabila kita ikut peraturan sebagaimana SOP yang dikeluarkan oleh kementerian kesihatan inshaaAllah perkara ini boleh di atasi.

Soalan 5:

Soalan terakhir, mungkin Dato' boleh sentuh sedikit mengenai sesetengah masyarakat yang mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pemerintah ulil amri sebagai satu ibadat?

Seringkali apabila kita membaca al-Quran, kita akan bertemu dengan ayat ini. Firman Allah SWT

أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَنْعَمُونَ

Taat Allah dan Rasul dan taat juga pada ulil amri. Taat pada ulil amri ini bermaksud taat pada perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama. Ketaatan dan kepatuhan rakyat kepada peraturan yang telah dibuat oleh ulil amri sebagai salah satu amal ibadah. Walhal ramai orang yang hanya menganggap taat kepada Allah dan Rasul sahaja mendatangkan pahala, bahkan mereka tidak menyedari taat pada ulil amri juga sebagai ibadah selagi mana ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, kebiasaan solat berjemaah dalam saf yang rapat tetapi dikecualikan atau dilarang apabila berada dalam keadaan yang tertentu seperti musim sekarang kerana bimbang virus ini menjangkiti orang lain. Tugas pemerintah adalah untuk menjaga kemaslahatan ummah. Kerana itulah adanya سد الذريعة . Ia bermaksud menutup atau menghalang sesuatu perkara yang pada asalnya harus tetapi dengan sebab, faktor dan sangkaan yang kuat ia boleh membawa kepada sesuatu yang dilarang. Oleh itu, kerajaan mengambil langkah untuk membendung gejala ini daripada merebak secara meluas dengan mengehadkan pergerakan rakyat demi kebaikan semua. ■

TAZKIRAH

Zulhijjah merupakan bulan terakhir di dalam bulan-bulan Islam. Bulan ini mempunyai kelebihan yang istimewa disisi Allah SWT. Kita dianjurkan dan digalakkan untuk memperbanyakkan amalan soleh dalam menambah pahala dan bekalan buat alam akhirat nanti. Zulhijjah juga merupakan bulan yang sinonim dengan ibadah haji dan korban. Selepas pecutan ibadah yang dilakukan pada Ramadhan, amalan sama perlu diteruskan secara konsisten khususnya untuk memanfaatkan 10 hari terawal bulan ini.

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Tiada amalan soleh pada mana-mana hari yang lebih afdal daripada hari-hari ini iaitu 10 hari pertama Zulhijjah. Para sahabat bertanya: Hatta berjihad di jalan Allah? Baginda menjawab: Ya, hatta jihad di jalan Allah. Kecuali orang yang keluar berjihad dengan jiwa dan hartanya, dan tidak kembali dengan sesuatupun yakni mati syahid". (Riwayat al-Bukhari)

Antara amalan yang dapat kita lakukan pada sepuluh malam pertama Zulhijjah ialah memperbanyakkan solat sunat. Disunatkan keluar cepat menuju ke masjid bagi menunaikan solat jemaah serta memperbanyakkan solat sunat kerana ianya sebaik-baik amalan. Thauban RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Hendaklah kamu memperbanyakkan sujud kepada Allah, kerana setiap kali kamu sujud kepadaNya, Allah akan angkatkan darjatmu kepadaNya dan dihapuskan kesalahanmu." (HR Muslim)

Puasa juga termasuk di dalam amalan soleh. Sebahagian isteri-isteri Nabi Muhammad SAW berkata: Rasulullah SAW berpuasa pada sembilan hari awal Zulhijjah, hari Asyura, dan tiga hari setiap bulan iaitu pada hari Isnin pertama dan dua hari Khamis. Berpuasa pada hari ke-9 Zulhijjah lebih ditekankan kerana ia merupakan hari Arafah. Abu Qatadah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: *Puasa pada hari Arafah, aku berharap agar Allah menjadikannya penghapus dosa setahun sebelumnya dan dosa setahun selepasnya.* (Sahih Muslim)

Selain itu, sentiasalah bertakbir, bertasbih, bertahmid dan bertahlil. Ibnu 'Abbas berkata: "Berzikirlah kalian kepada Allah pada hari-hari yang ditentukan iaitu 10 hari pertama Zulhijjah dan juga pada hari-hari tasyriq." Ibnu Umar dan Abu Hurairah pernah keluar ke pasar pada sepuluh hari pertama Zulhijjah, lalu mereka bertakbir, lantas manusia pun ikut bertakbir. Muuhammad bin Ali pun bertakbir setelah solat sunat. (Sahih al-Bukhari)

KELEBIHAN

10 ZULHIJJAH

Antara amalan yang sering dilakukan oleh umat Islam pada bulan ini ialah menyembelih korban. Allah SWT berfirman: Maka dirikanlah solat kepada Tuhanmu dan sembelihlah korban. (Al-Kauthar: 2)

Bagi mereka yang ingin melakukan ibadah korban hendaklah menahan diri daripada memotong rambut atau sebarang bulu di tubuh serta memotong kuku bermula daripada 1 Zulhijjah sehingga ibadah korban dilakukan. Ada riwayat yang menjelaskan: Apabila kalian melihat anak bulan Zulhijjah, dan salah seorang daripada kalian mahu melakukan korban. Hendaklah menahan diri daripada memotong rambut dan kukunya.

Terdapat banyak lagi amalan dan kelebihan bulan Zulhijjah antaranya berdoa dengan bersungguh-sungguh pada hari Arafah dan berpuasa pada hari itu kerana amalan ini telah sabit daripada Baginda Rasulullah SAW. Baginda SAW telah bersabda mengenai kelebihan berpuasa di hari Arafah iaitu: Aku mengharapkan Allah menghapuskan kesalahan setahun yang lalu dan setahun yang akan datang." (HR Muslim)

Namun begitu, haruslah diingatkan bahawa berpuasa pada hari Arafah hanyalah disunatkan untuk orang yang tidak mengerjakan ibadah haji sahaja. Tetapi bagi jemaah haji yang sedang berwukuf di Arafah tidak disunatkan berpuasa kerana Rasulullah SAW tidak berpuasa sewaktu Baginda wukuf di Arafah iaitu pada tahun Baginda mengerjakan haji.

Selepas berakhirnya bulan Zulhijjah, kita bertemu kembali dengan tahun baru Islam yang mulia iaitu Muharam. Bulan ini melakarkan pelbagai kisah dan peristiwa yang memberi pengajaran yang besar buat umat Islam di muka bumi ini. Muharram bermaksud 'diharamkan' atau 'dipantang' iaitu Allah SWT melarang melakukan perperangan atau pertumpahan darah. Namun demikian larangan ini ditamatkan setelah pembukaan Mekah.





Suasana di Kaabah Ketika Musim Haji tahun 2020 dengan penjarakan sosial dan bilangan kemasukan jemaah yang terhad

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Baqarah: 91 yang bermaksud:

Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Berimanlah kepada apa yang diturunkan Allah (al-Quran)", mereka menjawab, "Kami beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami." Dan mereka ingkar kepada apa yang setelahnya, padahal (al-Quran) itu adalah yang hak yang membenarkan apa yang ada pada mereka. Katakanlah (Muhammad), "Mengapa kamu dahulu membunuh nabi-nabi Allah jika kamu orang-orang beriman?"

Bulan ini antara empat bulan Islam yang dihormati serta memiliki kemuliaan di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman di dalam surah at-Taubah: 36 yang bermaksud:

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.

Imam Ibnu Kathir menyatakan orang yang melakukan kemaksiatan dan kezaliman pada bulan itu akan dilipatgandakan dosanya oleh Allah SWT. Antara peristiwa yang berlaku pada bulan Muharram ialah:

1. Nabi Adam bertaubat kepada Allah SWT
2. Nabi Idris di angkat oleh Allah SWT ke langit
3. Nabi Nuh diselamatkan Allah SWT keluar dari perahunya sesudah bumi ditenggelamkan selama enam bulan
4. Nabi Ayub dipulihkan Allah SWT dari penyakit kulit yang dideritainya
5. Nabi Ibrahim diselamatkan Allah dari pembakaran Raja Namrud
6. Allah menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa
7. Nabi Yusuf dibebaskan dari penjara
8. Penglihatan Nabi Yaakub yang kabur dipulihkan Allah
9. Nabi Yunus selamat keluar dari perut ikan setelah berada di dalamnya selama 40 hari
10. Laut Merah terbelah dua untuk menyelamatkan Nabi Musa dan pengikutnya dari tentera Firaun.
11. Nabi Sulaiman dikurniakan Allah kerajaan yang besar
12. Hari pertama Allah menciptakan alam, menurunkan rahmat, menurunkan hujan, menciptakan luh mahfudz dan menciptakan alam.

Selain itu, di antara amalan soleh yang sangat digalakkan untuk umat Islam lakukan pada bulan Muharram adalah dengan memperbanyak puasa sunat. Ini dapat dilihat berdasarkan sebuah riwayat daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW yang bermaksud:

Seafdhul-afdhul puasa setelah bulan Ramadhan adalah berpuasa pada bulan Muharram dan sesungguhnya solat yang paling afdhal adalah solat malam (qiamullail). Riwayat Abu Dawud Kesimpulannya, setiap bulan memiliki kelebihan dan fadhilat yang tersendiri begitu juga bulan Zulhijjah dan Muharram. Jadi marilah kita semua mengambil peluang ini dengan melakukan amalan-amalan sunat disamping mengingati perjuangan para anbiya' terdahulu.

20 Jamadil Akhir 1441H
15 Februari 2019

SEMINAR MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MMBI)

SEMINAR Merakyatkan Membangun Bersama Islam bersama Dun Pantai Irama telah dirasmikan oleh YB. Hj. Mohd Huzaify Che Husin. Program ini merupakan anjuran Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia dengan kerjasama pihak DUN Pantai Irama. Program berlangsung selama setengah hari bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengahari. Program ini telah dihadiri oleh semua AJK masjid & surau, penghulu, peserta Ladang Rakyat dan anggota Halaqat dalam DUN Pantai Irama. Program dimulai dengan slot yang pertama dan juga kedua disampaikan oleh YBhg Dato' Johari Bin Mat merangkumi tajuk Konsep Pentadbiran Berasaskan Islam, Sejarah Pentadbiran Islam di Kelantan, Pentadbiran Negeri Kelantan (1990 hingga kini), Dasar MBI dan juga 7 Mercu Tanda Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) manakala slot kedua bertajuk Konsep ‘Ubudiyyah, Konsep Mas’ uliyyah dan Konsep Itqan.





20 Jamadil Akhir 1441H
15 Februari 2019

FORUM MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MMBI)

FORUM Merakyatkan Membangun Bersama Islam bersama Dun Pantai Irama telah dirasmikan oleh YB. Hj. Mohd Huzaify Che Husin. Program ini merupakan anjuran Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia dengan kerjasama pihak DUN Pantai Irama. Program berlangsung selepas solat maghrib. Program ini telah dihadiri oleh orang awam dan semua AJK masjid & surau, penghulu, dan anggota Halaqat dalam DUN Pantai Irama. Forum ini telah disempurnakan oleh seorang moderator, Ustaz Zamri Zahari dan dua orang panel iaitu YB Hj Mohd Huzaify Bin Che Husin sebagai Panel 1 manakala YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat selaku Panel 2. Program tersebut telah mendapat sambutan yang sangat baik dari penduduk Bachok dan pihak penganjur mengucapkan jutaan terima kasih dan mengharapkan apa yang telah disampaikan dapat dimanfaatkan oleh penduduk Bachok. ■

Moreh

IPTG telah berjaya menganjurkan Tazkirah Ramadhan Harian Secara Atas Talian (Online) atau dikenali dengan Slot "Bicara Moreh" di laman Facebook Institut Pemikiran Tok Guru sepanjang ramadhan bagi Tahun 1441H bermula 26 Syaaban 1441H sehingga 04 Syawal 1441H Bersamaan 20 April 2020 Sehingga 27 Mei 2020. Kuliah ini bersiaran sebanyak 33 siri iaitu sebelum Ramadhan dan selepas Aidilfitri. Kuliah ini telah bersiaran setiap hari pada pukul 9.30 malam selama setengah jam. Tazkirah telah disampaikan oleh Ybhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). Antara tajuk-tajuk kuliah yang telah bersiaran ialah Selamat Datang Ramadhan, Kelebihan Ramadhan, Maksud Puasa, Pesan Jibril, Jangan Menyesal, Orang Yang Paling Disukai oleh Allah, Redha Allah, Amalan Kecil Pahala Besar dan lain-lain. Kuliah ini telah mendapat sambutan yang begitu baik khususnya daripada rakyat Negeri Kelantan. ■





PROGRAM TARBIYAH SEPANJANG RAMADHAN 1441H AL-BAYAN & RIYADH AL-SO'IMIN

IPTG dengan kerjasama Pihak Kelantan TV telah berjaya menganjurkan Program Tarbiyah sepanjang Ramadhan tahun 1441H. Dua bentuk program yang telah dianjurkan adalah Tazkirah lepas zohor di jenamakan sebagai (Riyadh Al-So'imin) telah disiarkan pada jam 2.00-2.30 petang manakala Tadabbur & Tadarus Al-Quran (Al-Bayan) disiarkan pada jam 5.00-6.00 petang. IPTG ditugaskan untuk membuat rakaman semua pengkuliahan sepanjang program berlangsung di Mini Studio IPTG. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pimpinan kerajaan Negeri Kelantan dan parti. Program ini juga menerima sambutan yang begitu menggalakkan daripada semua pihak khususnya rakyat Negeri Kelantan.

KUNJUNGAN HORMAT

12 Jamadil Awal 1441H
8 Januari 2020



Kunjungan Hormat
Dewan Bahasa Pustaka

13 Jamadil Awal 1441H
9 Januari 2020



Kunjungan Dr. Azmil
Tayed (Pensyarah Kanan
Sains Politik, Universiti
Sains Malaysia (USM)
dan Profesor Dr.
Meredith Weiss Sains
Politik (University at
Albany, New York,
Amerika Syarikat)

20 Jamadil Awal 1441H
16 Januari 2020



Lawatan Peserta
Generasi Sejahtera
Kelantan (GENTERA)

26 Jamadil Awal 1441H
22 Januari 2020



Abdullah Al Masud
Pelajar PHD,
Fakulti Usuluddin &
Perbandingan
Agama, Bangladesh

26 Jamadil Awal 1441H
22 Januari 2020



Gabungan Mahasiswa
Islam Se-Malaysia
(GAMIS)

7 Zulkaedah 1441H
28 Jun 2020



NGO-Dakwah
Unlimited



Kelantan Dihati

30 Tahun Membangun Bersama Islam

